

SARI PUSTAKA

SARI PUSTAKA BIL 4/2012


ISSN : 1675-0241



MARI
MEMBACA
MALAYSIA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



ROHANI DATUK HJ. MOHD SHAHIR
Bijak Mengurus Wang
Petaling Jaya : Galeri Ilmu, 2012. 324ms.
ISBN 978-983-097-353-1

ULASAN

Ramai yang beranggapan ilmu mengurus kewangan ini hanya patut dipelajari oleh sesiapa yang ingin bekerja dalam bidang yang membabitkan hal kewangan dan pelaburan sahaja. Sebenarnya pendapat ini ternyata salah kerana bukan sahaja orang yang berkerjaya wajar menimba ilmu kewangan, malah pelajar dan suri rumahtangga juga harus mempelajarinya untuk diaplikasikan dalam kehidupan sehari-hari mereka.

Bagi kebanyakan manusia, untuk mengumpul wang dalam jumlah yang besar akan mengambil masa hampir keseluruhan hidup, sedangkan untuk menghabiskannya pula hanya dalam sekelip mata. Buku *Bijak Mengurus Wang* adalah panduan praktikal, berguna dan komprehensif daripada segi formula mengurus, mengandakan dan membelanjakan wang mengikut kaedah 'Kubah Kehidupan'.

Penulis telah menggarapkan sebanyak tujuh (7) persoalan utama dalam menguruskan

kewangan ke arah yang lebih bijak melalui huraian '7P' iaitu:

- Pendapatan yang diperolehi dan perbelanjaan yang dikeluarkan
- Pengurusan hutang
- Penyucian harta melalui pengeluaran zakat dan sedekah
- Perlindungan melalui konsep takaful
- Pelaburan saham
- Persaraan, wang caruman KWSP dan pencer
- Pembahagian harta

Membelanjakan wang sememangnya nampak mudah tetapi amat sukar untuk seseorang itu mendisiplinkan diri menguruskan wang, kerana wang jika tidak diurus dengan baik akan menyusahkan dan yang paling ditakuti wang boleh sahaja menjerat ke kancang hutang hingga menyebabkan miskin atau muflis.

Sesuatu yang menarik yang diketengahkan ialah mengajak pembaca untuk terus menghayati persoalan yang diperkatakan tentang liku-liku kewangan yang dihadapi oleh masyarakat melalui pelbagai peringkat umur iaitu dari mula bekerja seawal umur 20-an sehingga ke usia persaraan. Umumnya matlamat-matlamat yang perlu dipenuhi meliputi perancangan bagi perkahwinan, pembelian kereta, pembelian rumah, pembiayaan pelajaran anak-anak, percutian, persaraan dan perbelanjaan perubatan.

Buku ini membicarakan beberapa strategi utama dalam mengurus belanjawan yang baik bagi menentukan matlamat kewangan tercapai yang akan mendorong untuk berbelanja dan menyimpan wang mengikut kaedah yang betul, sesuai dengan peranan penulis sebagai Pengerusi Eksekutif dan Ketua Perunding yang menerajui *Hijrah Wealth Management Sdn. Bhd.* sebuah firma pengurusan kewangan Islam yang dapat membimbing pembaca memberikan khidmat nasihat bagaimana menguruskan kewangan dengan lebih bijaksana. Perkongsian pengalaman penulis yang begitu meluas dalam sektor kewangan tersebut ternyata amat membantu pembaca dalam merancang kewangan.

Bagi mata kasar orang ramai, acap kali kemewahan diukur dengan melihat kereta yang dipandu, baju yang dipakai atau rumah yang didiami. Tabiat berbelanja atau makan

minum di mana juga dinilai untuk melihat kedudukan seseorang itu di mata masyarakat. Di sisi Allah SWT pula, penulis amat tersentuh apabila mendapati takrifan kekayaan sebenar ialah ‘tidak memerlukan apa-apa’ kerana sudah memiliki segala-galanya.

Buku ini ditulis dengan gaya santai namun mendalam maksudnya. Sesuai dijadikan rujukan bagi mereka yang baru memulakan kerjaya tetapi dijadikan peringatan bagi golongan yang telah berusia.

Antara tips yang amat mudah diingati ialah kita hendaklah selaraskan matlamat kewangan, tambahkan simpanan, kurangkan perbelanjaan, belilah insurans untuk perlindungan diri dan aset untuk masa hadapan, selesaikan hutang secepat mungkin dan melaburlah demi menjamin masa depan. Contohnya dengan menabung sebanyak RM300.00 sebulan secara berkala sejak usia 25 tahun, maka pada usia 45 tahun modal tabungan terkumpul adalah sebanyak RM144,000.00! Jumlahnya amat besar. Amat berbaloi dan praktikal untuk dilakukan bagi mereka yang berdisiplin menabung sebahagian daripada pendapatan bulanan sejak mula bekerja.

Berbekalkan pengetahuan, langkah-langkah dan strategi yang dipelajari daripada buku ini, tidak ada apa yang boleh menghalang daripada mencapai apa yang dihajati. Oleh itu, ambillah tindakan dan langkah yang besar dengan segera dan kekayaan pasti akan berlipat kali ganda. Paling penting, kebebasan menguruskan kewangan dengan cepat dan berkesan dapat dicapai sekiranya melaksanakan apa yang disarankan. Apa yang pasti, buku ini akan dapat membuka minda dan sikap pembaca yang selama ini tidak kisah tentang ke mana pendapatannya dibelanjakan.


Pengulas:

Suharti Yusof

Penolong Pegawai Perpustakaan Kanan
Bahagian Penyelidikan Perpustakaan
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



MOHD RAFI JALALUDDIN

Dulu Pencuci Kini Pengurus

Shah Alam : Grupbuku Karangkraf (Alaf 21), 2012.

166ms.

ISBN 978-983-124-786-0

ULASAN

Buku bertajuk *Dulu Pencuci Kini Pengurus* ini ditulis oleh Mohd Rafi Jalaludin yang merupakan orang yang menjadi watak sebenar di dalam buku yang boleh dikategorikan di dalam siri Motivasi dan Pembangunan diri. Apa yang menarik di dalam buku ini ialah ianya bukan sahaja banyak memberi contoh-contoh kisah kejayaan usahawan-usahawan serta tokoh-tokoh terkemuka dunia seperti Bill Gates, mendiang Bruce Lee, dan lain-lain tetapi ia turut memberi contoh kejayaan tokoh-tokoh tempatan seperti Allahyarham Dato Haji Sidek, mendiang Tan Sri Loh Boon Siew, mendiang Tan Sri Lim Goh Tong, Dato' Yusuf Haslam dan ramai lagi bagi memberi inspirasi kepada semua pembaca bahawa kejayaan adalah sesuatu yang tidak mustahil bagi setiap individu tanpa mengira latarbelakang, kemampuan kewangan, pendidikan dan sebagainya.

Dengan berbekalkan keputusan SPM yang tidak begitu memberangsangkan serta kegagalan untuk mendapat tempat di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) pada masa itu, pada mulanya beliau hanya mampu menjawat jawatan sebagai seorang pencuci di

sebuah syarikat swasta. Di atas usaha gigih yang tidak pernah berbelah bagi serta rasa tanggungjawab yang ada pada dirinya sebagai seorang anak lelaki tunggal yang mempunyai seorang ibu tunggal, seorang nenek dan seorang adik perempuan yang masih bersekolah, beliau tidak pernah merungut dan tidak pernah menoleh ke belakang.

Benar seperti kata bidalan pepatah Melayu “Di Mana Ada Kemahuan, Di situ Ada Jalan” , jika seseorang itu benar-benar ikhlas, jujur, serta bersungguh-sungguh di dalam apa saja kerjaya yang mereka ceburi, tidak mustahil peluang untuk mencapai kejayaan yang lebih cemerlang sentiasa akan terbuka di hadapan. Hanya menunggu saat dan ketika sahaja. Inilah di antara keistimewaan buku ini yang telah menggariskan enam objektif iaitu buku ini adalah untuk mereka yang telah dan sedang mengalami situasi yang sama seperti penulis sebelum beliau berjaya – tiada kelulusan tetapi muh berjaya. Bagi mereka yang merasakan yang mereka sudah berusaha keras dan bersungguh-sungguh tetapi nasib masih tidak berubah, melalui buku ini penulis kongsikan pengalamannya bagaimana hendak ‘menonjol’ di tempat kerja.

Bagi mereka yang memiliki kelulusan dan banyak peluang bekerja tetapi tidak tahu bagaimana untuk menjadi lebih maju, ada banyak cadangan dan tips di dalam buku ini. Buat mereka yang pernah dikenali sebagai seorang yang berjaya sebelum ini, tetapi kini tergolong dalam senarai mereka yang gagal, buku ini memberikan cadangan-cadangan yang efektif yang boleh digunakan untuk mendapatkan kembali momentum kejayaan yang pernah dicapai sebelum ini.

Untuk penyelia-penyelia dan pengurus-pengurus yang memiliki ramai orang bawahan yang berpotensi tetapi masih tidak menemui pintu yang tepat ke arah kejayaan, buku ini turut menyediakan beberapa cadangan yang boleh diaplikasikan oleh mereka ini dan untuk semua bakal graduan tidak mengira apa bidang yang dipelajari, buku ini turut membekalkan mutiara-mutiara ilmu serta nasihat yang sangat berguna dan akan diperlukan oleh golongan ini bagi menghadapi dunia sebenar alam pekerjaan serta bagaimana untuk menjadi seorang pekerja yang hebat di dalam apa jua bidang pekerjaan yang bakal diceburi.

Setiap daripada kita secara semulajadi telah dilahirkan dan dibekalkan dengan potensi diri untuk menjadi insan yang hebat di dalam kehidupan ini. Namun potensi hanya akan tinggal potensi sekiranya tidak digilap sehingga benar-benar menampakkan hasil. Secara ringkasnya teori kejayaan yang ingin ditekankan ialah semua manusia berhak untuk berjaya di dalam apa jua bidang yang diceburi. Usaha yang gigih, tekun danikhlas pasti akan membawa hasil yang dikehendaki, cuma kadangkala masanya agak lambat. Hanya dengan minat dan kesabaran tanpa usaha, seseorang manusia itu tidak akan dapat membawa kejayaan untuk diri mereka ke peringkat yang lebih tinggi.

Penggunaan teori Analisis Transaksional (TA) adalah suatu yang tidak biasa didengari dan kurang difahami oleh ramai pembaca, secara ringkasnya falsafah TA mengatakan bahawa manusia adalah OK- setiap individu mempunyai nilai, harga diri tanpa syarat. Manusia mempunyai keupayaan berfikir dan bertanggungjawab terhadap apa sahaja keputusan yang diambil dan menangani risiko yang timbul kemudiannya. Manusia yang menentukan arah hidup iaitu strategi dan helah yang digunakan sejak kecil sebagai dalih diri boleh diubah.

Hasil penulisan buku ini adalah cenderung kepada bidang Pengurusan Sumber Manusia dan sesuai untuk pembacaan semua golongan masyarakat sama ada golongan kanak-kanak, golongan remaja, golongan eksekutif dan pengurusan profesional serta golongan tua. Selain itu buku ini juga sesuai untuk bacaan pelajar-pelajar kursus Pengurusan, Perhubungan Awam, Psikologi, Komunikasi, Bimbingan dan Kaunseling, Pengurusan Sumber Manusia dan juga kepada sesiapa yang berminat dalam bidang motivasi serta pembangunan diri.

Secara keseluruhan, buku ini adalah penting bagi pembacaan individu terutamanya mereka ingin mencari inspirasi serta motivasi diri bagi memperbaiki tahap pencapaian mereka sedia ada kepada yang lebih baik pada masa hadapan.

Pengulas:

Mohd Ikhmil Firdausz Mohd Hanif
Penolong Pengarah
Bahagian Teknologi Maklumat
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



AINON MOHD DAN ABDULLAH HASSAN
Kuasai Dunia Dengan Berfikir

Batu Caves, Selangor : PTS Professional Pub., 2012.

174ms.

ISBN 978-967-369-147-0

ULASAN

Semua teknik berfikir yang dicipta oleh pakar bertujuan membantu kita mengatasi pelbagai rintihan kreativiti. Dengan menggunakan teknik-teknik itu, seseorang itu dapat memusatkan fikiran kepada tugas-tugas yang dijalankan. Dia juga dapat menumpukan fikiran pada satu masalah sahaja pada satu-satu masa. Sekiranya tidak, otak kita akan dibanjiri dengan bermacam-macam masalah serentak. Jangan terus berhenti berfikir sebaik sahaja mendapat idea pertama bagi menyelesaikan masalah. Teruskan berfikir kerana ini tidak merugikan. Sekiranya idea-idea selanjutnya tidak memuaskan, kita dapat kembali kepada idea pertama tadi dan menggunakaninya. Idea pertama sentiasa dapat mencetuskan idea kedua, ketiga, dan seterusnya. Dengan menghasilkan banyak idea, kita mendapat idea yang beraneka ragam dan idea yang asli, iaitu idea baru.

Dalam buku ini, penulis telah membuat pecahan kepada enam (6) bahagian dan setiap satu daripadanya telah dikupas isunya dengan lebih mendalam dan terperinci. Di

samping itu juga, penulis memberi tumpuan kepada teknik berfikir yang dapat digunakan bagi meningkatkan penghasilan idea-idea kreatif, termasuklah teknik-teknik yang dicipta oleh bangsa dan korporat Jepun. Lazimnya kita di negara ini membaca dan mempelajari teknik-teknik pemikiran kreatif yang dicipta oleh tokoh-tokoh Barat sahaja. Ini berlaku disebabkan kita tidak mampu membaca buku-buku dalam bahasa Jepun. Selain itu, buku ini adalah manual berfikir yang mudah difahami, praktikal, dan terbukti berkesan. Binatang buas pun dapat dijinakkan apabila betul caranya. Dunia dapat ditawan apabila betul strateginya. Begitu juga dengan berfikir. Kita dapat mencetuskan idea yang kreatif, luar biasa, dan hebat apabila betul cara berfikirnya.

Kreativiti merupakan faktor utama kelangsungan sesebuah organisasi. Tanpa kreativiti, sesebuah organisasi itu dikhawatir akan lenyap kerana ia akan dikalahkan oleh organisasi lain yang hebat kerana kreativitinya. Ini kerana hanya organisasi yang kreatif sahaja akan terus dapat bersaing dan bertahan dalam bidangnya.

Teknik penulisan buku ini agak berbeza kerana setiap huraian dan ilustrasi yang digambarkan oleh penulis sangat jelas dan dapat diterima akal. Ianya akan membuatkan pembaca lebih terbuka dan mahu berfikir dengan lebih jauh di samping menerapkan unsur-unsur positif dalam sesuatu hal. Buku setebal 174 halaman ini sesuai dan wajar dibaca oleh semua golongan terutamanya golongan-golongan yang perlu berfikir dan bertindak dengan cepat seperti ketua-ketua di sesebuah institusi, pemimpin yang memimpin sesebuah negara, dan mereka yang sering perlu mengeluarkan idea-idea yang bernalas untuk menyelesaikan sesuatu masalah.

Pengulas:

Anis Mat Saad

Penolong Pengarah

Bahagian Perancangan dan Dasar Korporat

Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



FATHURI SALEHUDDIN
Mudahnya Menjemput Rezeki
Petaling Jaya : Galeri Ilmu, 2012. 184ms.
ISBN 978-983-097-365-4

ULASAN

Buku terbitan Galeri Ilmu yang ditulis oleh Fathuri Salehuddin mengupas persoalan rezeki. Bahasa yang digunakan oleh penulis dalam buku ini adalah mudah difahami dan santai. Buku ini sangat menarik dan sesuai untuk semua sebagai bahan bacaan kerana terdapat pelbagai panduan khas untuk menjemput rezeki. Buku ini dipecahkan kepada empat (4) bahagian iaitu apa itu rezeki, menjemput rezeki, cerita menjemput rezeki dan apa perlu saya buat sekarang?

Tahukah anda untuk mendapat rezeki sememangnya sangat mudah apabila kena caranya? Malah sumber datangnya tidak disangka-sangka. Mudahnya menjemput rezeki merungkai rahsia mudah untuk mendapat rezeki. Ia dikongsi oleh penulis yang telah mengalami 'peristiwa mendapat rezeki' dari Maha Pemberi Rezeki dengan mekanisme yang tertentu. Buku ini terarah untuk berbicara soal bagaimana untuk mengenal apakah itu rezeki dan bagaimana konsep menjemput rezeki, bukan mencari. Kebiasaannya seseorang akan lebih faham makna mencari rezeki, tetapi ramai kurang

faham bagaimana menjemput rezeki. Persoalannya adakah rezeki boleh dijemput?

Begitulah konsep rezeki yang cuba dibongkarkan oleh buku ini. Konsepnya mudah, berikan apa yang “Pemilik” rezeki mahukan, InsyaALLAH kita akan peroleh apa yang kita mahu. Dalam konteks ini, berikan apa yang Allah mahu seperti solat, membaca al-Quran, bersedekah dan sebagainya. Bayangkan jika Allah memberi kita kejutan rezeki tanpa disangka-sangka. Sudah pasti ia satu yang menakjubkan dan pasti akan mengujakan. Justeru, daripada mencari, lebih mudah jika kita menjemput rezeki datang bertandang berjumpa kita.

Ada pula janji menarik daripada Allah bagaimana untuk menambah rezeki. Bukan itu sahaja, malah diberi pula formula bagaimana supaya rezeki yang sudah berada di tangan boleh terus berkembang. Bukan sekadar itu, Allah berikan lagi formula bagaimana supaya rezeki yang sudah berkembang dan bertambah banyak tidak pula musnah. Saya percaya dan rasa sangat yakin, dengan mengetahui formula ini, kita sudah menemukan kunci bagaimana untuk keluar daripada kesulitan hidup khususnya perihal rezeki.

Kebanyakan orang menganggap rezeki itu hanya dalam bentuk harta benda sedangkan ia juga difahami dalam bentuk wang ringgit, makan minum dan barang keperluan harian. Perniagaan yang selalu untung dikatakan rezeki, mendapat bonus di akhir tahun juga rezeki, malah tanaman di kebun berbuah lebat sehingga dapat dijual adalah rezeki. Jarang ada orang yang merasa dalam keadaan terbeban hutang, pelupusan hutangnya sebagai satu rezeki. Tidak ramai menganggap penangguhan bayaran hutang itu sebagai rezeki. Begitu juga ramai yang beranggapan badan yang sihat, tidak perlu keluar kos perubatan, bukannya rezeki. Malah banyak lagi kelebihan dan kenikmatan yang Allah SWT kurniakan tidak disedari sebagai rezeki yang berganda-ganda jika dibandingkan dengan orang lain. Inilah dikatakan rezeki batiniah.

Buku, *Mudahnya Mendapat Rezeki* memberi tip dan kaedah ‘menjemput’ rezeki yang ditetapkan Allah sejak ditiup roh ke jasad kita. Tidak kiralah apakah ia rezeki lahiriah atau batiniah, yang penting kita mendapat rezeki yang barakah. Rezeki yang barakah inilah yang akan mencetuskan ketenangan jiwa dan kebahagiaan dalam kehidupan di

dunia dan berkekalan hingga akhirat.

Kesimpulannya, milik kita bukan semuanya rezeki kita, sesuatu yang kita rasa manfaatnya bermakna rezeki kita, jika tidak ia adalah rezeki orang lain. Apa yang didapati melalui usaha kita, terdapat padanya rezeki orang lain. Apabila sudah rezeki, memang akan tiba juga. Tidak pernah rezeki itu terlewat atau terlambat menemui tuannya. Tidak ada sesiapa yang boleh mengambil rezeki kita, semuanya hanya boleh berlaku dengan izin Allah. Setiap makhluk-Nya sudah dibekalkan dengan rezeki yang cukup, malah ukuran dan sukanan rezeki setiap makhluk-Nya sudah siap sehingga hari kiamat.

Usaha paling berkesan agar mudah menjemput rezeki adalah dengan mendekatkan diri kepada Allah. Selain itu, kita juga boleh menjemput rezeki dengan mengutamakan solat, zikir, berdoa, bersedekah, membaca al-Quran dan Asma’ul-Husna, bersyukur serta tekun berusaha. Ternyata kehidupan ini memang seorang guru yang baik. Sesungguhnya syukur dan redha itu adalah kunci kebahagiaan dan Allah akan menambah rezeki kepada hamba-Nya yang sentiasa bersyukur.


Pengulas:

Siti Diana Dahlan

Penolong Pengarah
Bahagian Penyelidikan Perpustakaan
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



AHMAD FISOL HAJI OMAR
Pembodek Parasit Dalam Organisasi
Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors,
2012. 267ms.
ISBN 978-967-61-2575-0

ULASAN

Karya ini digarap oleh penulis dengan tujuan untuk berdakwah kepada pembaca supaya membenci perbuatan membodek dan para pelakunya. Sekiranya anda bukan pembodek, maka janganlah cuba-cuba membodek. Sekiranya anda sebagai bos yang telah termakan bodek, maka perbaikilah kesilapan. Penulis juga berharap agar para pembaca dapat memanjangkan lagi dakwah ini kepada sesiapa yang tidak berkesempatan membaca buku ini. Moga-moga mesej untuk menyekat budaya membodek dapat disampaikan. Secara umumnya, bodek berlaku dalam organisasi atau institusi tanpa mengambil kira saiz organisasi tersebut. Sekiranya sesebuah organisasi itu kecil, maka perbuatan bodek itu lebih jelas kelihatan. Berbeza dengan bodek yang berlaku dalam organisasi yang bersaiz besar maka kesan bodek tidak dapat dilihat secara keseluruhan, kecuali pada bahagian tertentu sahaja. Lazimnya budaya bodek wujud dalam institusi keluarga, institusi politik, jabatan kerajaan dan sektor swasta.

Buku ini menjelaskan tentang konsep bodek dan memperkenalkan siapakah pembodek yang dimaksudkan. Tidak ketinggalan juga disenaraikan beberapa sifat keji pembodek seperti dengki, khianat, malas, menabur fitnah, munafik, tamak, tergesa-gesa untuk memastikan hajatnya tercapai, tidak ikhlas, menafikan hak orang lain, sompong, melakukan kerja yang tidak berfaedah, penasihat berbisa, tidak tahu malu, hipokrit, berdendam, pemecah belah kesatuan, “kaduk naik junjung”, “kacang lupakan kulit” dan dusta. Pembaca juga boleh mengetahui cara-cara yang digunakan oleh pembodek untuk mencapai cita-citanya iaitu strategi pembodek.

Dengan membaca buku ini maka para pembaca dapat mengenali pihak atasan atau bos yang telah termakan bodek. Bagaimanapun, bukan semua bos boleh dibodek, tetapi tidak kurang juga bos yang berjaya dibodek sehinggaakan cita-cita si pembodek menjadi kenyataan.

Pada hakikatnya, kebanyakan orang membenci perbuatan membodek kerana ia meninggalkan kesan negatif kepada banyak pihak. Buku ini menjelaskan kesan-kesan negatif akibat bodek. Walaupun pembodek mendapat keuntungan daripada usahanya membodek tetapi dia tetap menanggung kerugian seperti hilang sahabat, dibenci orang ramai, dan gagal melaksanakan tugas di tempat kerja. Bos yang menjayakan bodek turut menanggung kesan buruk seperti dibenci kebanyakan pekerja, tidak mendapat kerjasama, kerja tidak berkualiti, dan menjadi ‘kupang tembaga’ selepas bersara. Mangsa bodek pula menanggung kesan buruk yang paling dahsyat. Dia menjadi pihak yang teraniaya. Haknya dinafikan oleh pembodek dan bos yang zalim. Kegiatan membodek boleh merugikan organisasi / institusi kerana produktiviti akan menurun, wujudnya perpecahan dalam organisasi dan semangat kerja pekerja juga akan menurun secara mendadak.

Buku ini menjelaskan bahawa sesuatu laba yang diperoleh dengan cara yang keji seperti membodek, sebenarnya merupakan azab dalam nikmat. Antara perkara yang diburu oleh pembodek ialah kenaikan pangkat. Justeru kupasan yang amat menarik untuk tajuk “Naik Pangkat” dalam Bab 5 supaya para pembaca dapat mengetahui cara yang betul bagi urusan kenaikan pangkat. Semoga sesiapa yang bercita-cita untuk naik pangkat mestilah memperolehinya dengan cara yang betul.

Pelbagai nasihat dan motivasi antaranya ialah pembodek dinasihatkan supaya berhenti membodek. Dia mestilah insaf, menyesal, bertaubat, dan memohon maaf kepada pihak yang terlibat. Bos yang dibodek pula dinasihatkan membaiki kesilapannya supaya tidak lagi membenarkan dirinya dibodek. Manakala sesiapa yang berhasrat untuk membodek pula adalah dinasihatkan agar tidak meneruskannya. Mereka dituntut agar mengambil iktibar daripada pemerhatian terhadap kesan-kesan negatif yang ditanggung oleh pembodek terdahulu. Orang yang paling menderita angkara bodek ialah mangsa bodek. Buku ini menasihatkan mereka supaya banyak bersabar dalam menghadapi ujian dan diberi jaminan bahawa kesusahan dan kepahitan yang dialami, lambat laun akan berganti dengan kesenangan.

Mengamalkan perkara yang baik dan tinggalkanlah segala yang dilarang dalam Islam. Segala kebenaran dan kebaikan dalam buku ini datangnya daripada Allah SWT, dan segala kesilapan dan kealpaan datang daripada penulis sendiri yang lemah dan serba kekurangan.

Secara tuntasnya, buku *Pembodek Parasit dalam Organisasi* adalah panduan praktikal, berguna dan komprehensif yang berteraskan agama dan tujuannya untuk berdakwah, jadi penulis banyak mengetengahkan ayat-ayat al-Quran, hadis, kata-kata sahabat r.a. dan pendapat ulama sebagai hujah dan dalil atas apa yang dihuraikan.

Buku ini perlu dibaca oleh semua lapisan peringkat pembaca sama ada kakitangan kerajaan, badan berkanun, swasta atau masyarakat umum yang ingin mengetahui dengan lebih lanjut mengenai pengampu atau pembodek.

Pengulas:

A.Azli Ab. Rahim

Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Perancangan dan Dasar Korporat
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



KAMSIAH ABU
Sudah Mantapkah Langkahmu?
Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors,
2012. 109ms.
ISBN 978-967-61-2537-8

ULASAN

Golongan muda terutama lepasan sekolah atau universiti menghadapi dilema untuk mendapatkan pekerjaan. Hal ini mungkin kerana tiada panduan yang khusus dan jelas bagi mereka untuk membuat persediaan yang bersesuaian dengan kehendak majikan yang mencari dan menilai tenaga kerja. Sehubungan itu, penulis mendapat idea untuk menulis buku ini sebagai panduan yang membantu dan memudahkan pencari kerja mendapatkan pekerjaan yang diimpikan. Beliau menulis menerusi pengalaman dan pengamatan lebih 25 tahun sebagai seorang pengamal Sumber Manusia.

Buku ini membincangkan beberapa teknik dan panduan yang boleh digunakan oleh calon-calon pencari kerja bagi memastikan diri mereka seiring dengan kriteria dan kaedah yang sering diperlakukan oleh majikan. Teknik yang sesuai adalah penting bagi mereka merebut peluang untuk menempatkan diri sebagai calon tenaga kerja yang berwibawa di mata bakal majikan.

Penulis membuka bicara dengan memberi idea kepada pencari kerja di mana harus mereka mulakan untuk mendapatkan maklumat berkaitan peluang pekerjaan. Terdapat beberapa sumber yang boleh dicuba oleh pencari kerja seperti melalui Kelab Kerjaya dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar di sekolah, kolej atau universiti, karnival atau pameran kerjaya, maklumat daripada saudara-mara dan sahabat handai, mendaftar melalui agensi pekerjaan dan menerusi iklan jawatan kosong di akhbar-akhbar. Internet juga membantu pencarian pekerjaan menerusi kaedah iklan di pautan atau laman sesawang jabatan-jabatan kerajaan, badan-badan berkanun ataupun organisasi swasta seperti di laman web www.jobsmalaysia.gov.my.

Kriteria yang selalu dicari oleh bakal majikan turut difokuskan. Calon perlu mempunyai pengetahuan mengenai bidang atau industri yang ingin diceburi seperti memahami latar belakang industri dan peranannya dalam menjana ekonomi negara. Selain itu, calon perlu tampil dengan keperluan yang bersesuaian kerana setiap industri menuntut kemampuan dan kemahiran yang berbeza serta ia juga berdasarkan objektif dan misi organisasi. Kebanyakan organisasi memilih pekerja yang mudah memberi kerjasama seperti boleh bekerja secara putaran giliran, tiada halangan untuk bekerja di luar ibu pejabat, bersedia untuk ditempatkan di mana-mana tempat, boleh berkomunikasi dan berketerampilan.

Kesinambungan daripada itu, mengetahui kemahiran am yang dicari majikan menjadi kunci penting untuk memastikan bakal majikan dapat melihat kelebihan anda lebih daripada calon-calon yang lain. Antara kemahiran yang diperlukan adalah daya fikir yang tinggi, mudah menguasai kemahiran asas tugas, mahir berkomunikasi, mampu bekerja dalam kumpulan, sikap mengutamakan pelanggan dan mempunyai personaliti diri yang positif. Nilai-nilai ini penting bagi memastikan calon yang dipilih adalah benar-benar berwibawa dan bertanggungjawab untuk memikul amanah serta nama baik organisasi.

Tatacara permohonan kerja yang betul ketika memohon kerja tidak boleh dibuat sambil lewa. Calon harus pandai meneliti syarat-syarat jawatan yang ditawarkan bukan melihat jawatan semata-mata. Justeru itu, calon mesti menyemak dan meneliti keperluan asas yang disyaratkan, keperluan tambahan, senarai tugas yang perlu

dilakukan, cara-cara penghantaran permohonan dan paling penting menyemak tarikh dan masa akhir serta alamat yang tepat. Biodata maklumat asas perlu teratur mengikut keutamaan, tidak terlalu meleret atau sarat. Dokumen sokongan jika diperlukan harus juga disusun dengan teratur supaya mudah untuk bakal majikan membuat semakan.

Tahap paling kritikal adalah ketika menghadiri temuduga. Persediaan terbahagi kepada tiga tahap iaitu sebelum, semasa dan selepas. Persediaan calon bukan sahaja dari segi mental tetapi juga dari segi fizikal. Semasa menghadiri temuduga, calon diingatkan supaya datang lebih awal, memastikan dokumen tersusun serta lengkap, kemas, rapi dan bersedia menjawab semua soalan.

Secara keseluruhannya, olahan ayat buku ini sangat menarik dengan penggunaan contoh situasi yang biasa terjadi dalam kehidupan seharian. Teknik penulisan sebegini lebih mudah untuk difahami ditambah dengan penggunaan bahasa yang mudah, sesuai dengan pembaca sasaran. Penggunaan dialog sebagai contoh menjadikan buku ini dirasakan mengurangkan tahap keseriusan dalam menyampaikan isi kepada pembaca. Pembaca lebih santai walaupun kandungan buku tersebut mempunyai penekanan kepada perihal yang serius.


Pengulas:

Noorzaimah Razali

Penolong Pengarah
Bahagian Penyelidikan Perpustakaan
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



ZAMRI AMINUDDIN
Take 5! : Ingatan Kepada Jurujual
Petaling Jaya : True Wealth, 190ms.
ISBN 978-967-5428-94-4

ULASAN

Buku *Take 5! : Ingatan Kepada Jurujual* oleh Zamri Aminuddin merupakan sebuah buku yang dihasilkan khusus sebagai panduan untuk mereka yang berkecimpung dalam bidang jualan khususnya seorang jurujual. Buku motivasi jualan ini menerangkan kaedah menjual produk dan perkhidmatan yang berkesan dan “luar biasa” berdasarkan ilmu pengetahuan dan pengalaman penulis sendiri.

Susunan buku ini mengandungi 3 bahagian iaitu yang menerangkan tentang kerjaya jurujual itu sendiri, menjelaskan tentang kaedah jualan dan mengenai aspek hubungan jurujual dengan prospek atau pelanggan.

Sikap memainkan peranan penting dalam menentukan jatuh bangun kerjaya seseorang jurujual. Pelanggan akan menilai sikap terpuji yang dimiliki oleh seseorang jurujual sebelum membuat keputusan untuk membeli produk yang diniagakan. Sikap positif yang disertai dengan cara menjual yang beretika, sistematik, profesional dan

menghormati pelanggan akan meletakkan jurujual tersebut selangkah di hadapan berbanding jurujual lain dengan produk yang sama.

Buku ini turut menghuraikan jualan sebagai perniagaan emosi. Pelanggan menggunakan emosi ketika menilai jurujual, membuat keputusan membeli sehingga lah kepada penggunaan produk. Bagi memastikan produk dapat menambat hati pelanggan, jurujual disyorkan supaya bermain dengan emosi pelanggan sejak kali pertama bertemu. Ini dapat dilakukan dengan cara jurujual ‘menjual’ dirinya dahulu sebelum menjual produk atau perkhidmatan.

Penggunaan bahasa yang ringkas dan mudah difahami untuk memudahkan pembaca mengamalkan segala panduan yang diberikan. Di samping itu turut diselitkan unsur-unsur motivasi serta kata-kata hikmat untuk menyuntik semangat pembaca.

Kekurangan buku ini ialah penulisnya kurang menggunakan ilustrasi. Sebenarnya terdapat hanya satu sahaja ilustrasi yang menarik bagi menerangkan isi kandungan tertentu yang penting kepada pembaca. Buku ini perlu mempelbagaikan kaedah persempahan agar lebih menarik untuk dibaca dan dihayati.

Walaupun difahami penggunaan judul dalam bahasa Inggeris *Take 5* adalah bertujuan menarik minat umum sekaligus menggambarkan hasrat penulis kepada jurujual iaitu memperuntukkan masa 5 minit sehari untuk membaca buku ini namun penulis sepatutnya mencari tajuk dalam bahasa Melayu yang mampu mendukung maksud yang sama.

Secara keseluruhan buku ini baik untuk dibaca oleh sesiapa sahaja sama ada yang baru menceburkan diri dalam bidang jualan atau mereka yang telah pun bergelar jurujual sepenuh atau separuh masa bagi meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran sedia ada.

Pengulas:

Mohd Afirul Mat Ariffin


Penolong Pengarah

Bahagian Perancangan dan Dasar Korporat

Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



SITI FUZIAH YUSOF

Ulaman Di Sekeliling Anda

Batu Caves, Selangor : Ar-Risalah Product, 2012.

304ms.

ISBN 978-967-0268-06-4

ULASAN

Buku mengenai tumbuhan seperti bunga-bungaan, ulam-ulaman serta buah-buahan semakin mendapat tempat di hati pembaca dewasa ini. Acapkali buku-buku seperti ini dijadikan koleksi peribadi pembaca kerana konsep penulisan yang ringan, menarik tetapi kaya dengan ilmu. Sebelum ini, ramai yang tidak mengenali tumbuhan terutamanya tumbuhan herba dan ulaman yang tumbuh melata di sekeliling kita walhal ianya merupakan tumbuhan yang berguna dalam ilmu perubatan dan banyak khasiatnya. Buku-buku inilah yang membantu kita mengenali lebih banyak tumbuhan kerana disertakan dengan gambar yang nenanrik dan berwarna.

Ulaman sememangnya sinonim di kalangan masyarakat Melayu di Nusantara terutama di Malaysia, Indonesia dan Brunei. Ulam biasanya dimakan mentah dan segar. Pengambilan ulaman juga dapat membantu mengurangkan penyakit kerana kandungan khasiat dan vitamin yang tinggi. Sehingga Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) juga telah mengiktiraf ulam pegaga sebagai herba yang dapat

menjana kecerdasan berfikir di kalangan kanak-kanak serta dikatakan dapat membantu peredaran darah dan meningkatkan kesihatan kulit dalam artikel ditulis oleh seorang Profesor dari India yang bertajuk *Traditional Medicine in Asia*.

Ulaman di Sekeliling Anda merupakan pilihan yang baik jika anda mahukan bahan rujukan berkaitan ulaman. Buku ini boleh dikatakan rujukan yang lengkap bagi mereka yang mahu mengenal ulaman dengan lebih dekat. Disertakan dengan gambar berwarna yang memudahkan pembaca mengenali spesis-spesis tumbuhan ulaman. Terdapat dua hingga tiga gambar yang boleh menerangkan rupa bentuk setiap jenis ulaman. Setiap jenis ulam diuraikan dalam beberapa parameter iaitu, ciri, kedapatan, kaedah, kandungan, khasiat, rasa, sifat dan perhatian. Nama saintifik bagi setiap jenis tumbuhan juga disertakan.

Tumbuhan ulaman dalam buku ini disusun mengikut abjad. Bermula dengan A iaitu Asam Gelugor sehingga abjad U iaitu Ulam Raja. Gaya bahasa yang santai dalam setiap penerangan jenis ulaman tidak menjemukan dan senang difahami.

Apa yang menarik tentang buku setebal 304 halaman ini ialah penulis ada berkongsi resepi-resepi yang berkaitan ulaman serta sambal-sambal yang sesuai dimakan bersama ulam. Pada kebiasaan buku herba seumpama ini tidak pernah menyertakan resepi-resepi seperti ini.

Satu pilihan bahan bacaan yang baik daripada pelbagai jenis buku berkaitan tumbuhan dan ulaman yang berada di dalam pasaran untuk dijadikan bahan rujukan di setiap perpustakaan dan rumah.


Pengulas:

Ima Eryanty Abdul Manaf

Penolong Pengarah
Bahagian Perancangan dan Dasar Korporat
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



MOHD. ZAMBERI A. MALEK
Ungku Omar Ahmad : Tokoh Negara Tersohor
Kuala Lumpur : Anjung Media Resources, 2012.
306ms.
ISBN 978-983-42352-3-9

ULASAN

Ungku Omar Ahmad:Tokoh Negara Tersohor merupakan sebuah penulisan biografi mengenai ketokohan Ungku Omar Ahmad sebagai seorang saintis, tokoh pendidikan, pejuang bahasa Melayu, perintis ilmu pengetahuan, pengkaji masyarakat serta berpengetahuan luas dalam hal agama Islam. Bagi generasi baru yang langsung tidak mengenali beliau adalah wajar membaca buku ini kerana peranan Ungku Omar terutama dalam aspek pendidikan amat berkait rapat dengan penubuhan beberapa institusi pendidikan yang ada pada hari ini. Buku ini amat mudah difahami kerana gaya penulisan yang berstruktur dari awal kehidupan tokoh sehingga akhir hayat Ungku Omar. Paparan salasilah keluarga beliau serta penggunaan gambar-gambar bersejarah mengenai susur galur keluarga bangsawan yang diliputi oleh tokoh menggambarkan lagi kehebatan beliau sebagai individu yang disegani dan sukar dicari ganti pada hari ini. Plot sinopsis tidak tersusun dengan baik namun penulis masih mengekalkan cerita zaman kanak-kanak, kecemerlangan zaman remaja, keunggulan sebagai pentadbir sehingga gugurnya beliau sebagai seorang tokoh dibincangkan dengan menggunakan

bahasa yang mudah tanpa menggunakan metafora penulisan yang lazim menjadi amalan penulis di Malaysia.

Penulis juga menterjemahkan ketokohan Ungku Omar melalui bukti-bukti dan sumbangan dalam bidang kesihatan serta peranan Ungku Omar dalam aspek kualiti kehidupan masyarakat luar bandar. Petikan ucapan dari mantan Perdana Menteri Kedua Malaysia iaitu Allahyarham Tun Abdul Razak yang menyifatkan satu kehilangan kepada negara juga menyerlahkan lagi ketokohan Ungku Omar sebagai salah seorang individu yang memacu kepada pembangunan Malaysia.

Petikan kata-kata individu yang pernah mengenali dan rapat dengan tokoh dijadikan sebagai sokongan oleh penulis bagi menguatkan gambaran akan ketokohan Ungku Omar sebagai tokoh bangsa. Penulis banyak memperincikan mengenai penglibatan Ungku Omar dalam bidang perubatan. Kewibawaan beliau dalam bidang perubatan dan bahasa terserlah sehingga dinobatkan sebagai Pengarah Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) bangsa Melayu yang pertama serta Pengerusi Kolej Islam Malaya (Universiti Islam Antarabangsa). Suka duka beliau sepanjang mentadbir kedua-dua organisasi ulung ini diulas dengan terperinci dan dimuatkan dengan fakta-fakta seperti tarikh peristiwa, statistik serta nota kaki yang menguatkan lagi bahawa penulis telah mengkaji sebelum buku ini dihasilkan.

Kesungguhan beliau dalam memerangi penyakit-penyakit yang dialami oleh masyarakat luar bandar nyata membuka mata pihak kerajaan agar lebih prihatin dengan aspek kualiti hidup masyarakat luar bandar. Melalui hasil penyelidikan beliau yang terperinci ianya turut dijadikan sumber rujukan oleh mereka yang terlibat dengan bidang perubatan. Iltizam dan kesungguhan Ungku Omar tidak dapat disangkal melalui usaha-usaha murni dalam meningkatkan kualiti kesihatan masyarakat luar bandar berdasarkan penemuan daripada kajian dan penyelidikan beliau.

Dalam membicarakan ilmu kesihatan penulis turut mengalih tumpuan pembaca menerusi penglibatan Ungku Omar dalam mendaulatkan bahasa Melayu dalam bidang perubatan. Beberapa istilah yang digunakan pada hari ini merupakan usaha Ungku Omar dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka yang pada ketika itu diterajui oleh

Syed Nasir Ismail. Penggunaan istilah perubatan dalam bahasa Melayu nyata banyak membantu pengurusan di hospital-hospital yang ditubuhkan.

Hayat Ungku Omar akhirnya terpisah pada tahun 1969, namun jasa dan sumbangan beliau yang tidak terhingga diabadikan melalui penubuhan Politeknik Ungku Omar di Ipoh, Perak. Selain itu peninggalan Ungku Omar terhadap IMR juga dikenang melalui nama Auditorium Ungku Omar di IMR. Manakala beberapa institusi pendidikan seperti Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Pendidikan Sultan Idris turut mengabdikan ketokohan Ungku Omar sebagai sumber inspirasi pada bangunan dan kolej kediaman pelajarnya.

Buku ini wajar dibaca oleh generasi muda walaupun sasaran pembaca oleh penulis agak kabur. Usaha penulisan biografi Ungku Omar perlu diketengahkan agar nama beliau bukan setakat diabadikan pada premis bangunan sebaliknya ketokohan, jasa dan sumbangan beliau dinilai dan ditonjolkan kepada rakyat Malaysia.


Pengulas:

Mohamad Zaki Yusof

Penolong Pengarah
Bahagian Penyelidikan Perpustakaan
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



Adab Dan Peradaban :
Karya Pengi'tirafan Untuk
Syed Muhammad Naquib
Al-Attas
Petaling Jaya : MPH Group
Pub., 2012. 722ms.
ISBN 978-967-415-868-2

Buku ini menghimpunkan karya sarjana penyelidik dan para ilmuwan yang memberikan gambaran menyeluruh terhadap sejarah serta sumbangan Tan Sri Profesor Dr. Syed Muhammad Naquib al-Attas. Makalah 1 merupakan liputan menyeluruh terhadap sejarah dan sumbangan Profesor al-Attas manakala makalah 2 dan 3 pula menyorot beberapa segi terpilih berkaitan tradisi pengajian di Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC) – satu sumbangan Profesor al-Attas berbentuk institusi kajian dan pendidikan tinggi-dizaman pimpinan al-Attas. Makalah 4 hingga 8 pula merangkumi pemerihalan dan huraiyan terhadap Ma'na Agama; Pandangan Alam; Akhlak dalam Kerangka Ketamadunan yang berasaskan Agama; Tasawwuf sebagai Metafizika Islam; dan Pendidikan sebagai Ta'dib iaitu menjurus kepada penyediaan kerangka ilmiah untuk pembahasan dalam makalah-makalah selanjutnya. Makalah 9 hingga 11 seterusnya meninjau dan mengamati Cabaran dari Barat dan Kesannya kepada Umat Islam. Makalah 12 hingga 14 sekitar tema dan pendidikan khususnya pengajian tinggi. Makalah 14 dan seterusnya Makalah 21 menumpu kepada penjelasan lanjut terhadap rencana pemikiran al-Attas.


SINOPSIS BUKU



NAZRI AHMAD
Adakah Aku Gagal
Kulim, Kedah : Penerbit
Siri Best Cik 'E, 2012.
182ms
ISBN 978-967-11258-2-3

Buku ini memberikan panduan serta motivasi berguna kepada pembaca. Kata-kata semangat yang diselitkan di dalam buku ini dapat memberi ilham dan membuka minda pembaca untuk terus berusaha mencapai kejayaan. Di samping itu juga, disertakan contoh-contoh tokoh yang telah berjaya dalam bidang masing-masing. Ia sedikit sebanyak dapat memcertuskan semangat untuk mencontohi mereka yang sentiasa berusaha dan yakin untuk mencapai kejayaan. Selain semangat, ilmu amat perlu kepada seseorang dalam mengusahakan apa yang diidamkan selama ini. Hidup berbekal ilmu tidak akan rugi kerana ilmu itu sendiri akan membantu seseorang menjadi insan yang lebih berkualiti. Usaha mendapatkan ilmu turut bermula melalui pembacaan. Bergaul dengan orang-orang yang hebat lebih mendorong kita untuk menurut jejak kejayaan mereka. Kita juga perlu bijak bergaul dengan orang-orang yang sentiasa menyokong serta memberi nasihat dalam jatuh bangun kehidupan ini.


SINOPSIS BUKU



JAAFAR ABD. RAHIM
Aksioma
Kuala Lumpur : Dewan
Bahasa dan Pustaka, 2012.
487ms.
ISBN 978-983-46-0821-7

Buku ini membicarakan persoalan kehidupan yang merangkumi aspek dan persoalan mengenai sosial, politik, kebudayaan, agama, sejarah, kesusasteraan, pemikiran, falsafah dan ilmu. Ia memaparkan 75 buah eseи dalam bidang tersebut yang disajikan kepada pembaca dengan gaya yang kritis dan kreatif. Ia juga dibincangkan dengan bahasa yang mudah dan disampaikan dengan bukti dan hujah yang boleh dipertanggungjawabkan. Esei-esei ini masih relevan dengan keadaan semasa, contohnya hal yang menyentuh isu orang tua dan warga emas yang sering dipinggirkan oleh anak dan keluarga mereka sendiri. Fenomena ini sering berulang dalam masyarakat sekali gus menjadi pengajaran kepada kita. Selanjutnya eseи berkaitan ilmu, pemikiran dan falsalah disajikan atas kesedaran bahawa dalam peringkat mana sekalipun kita berada, tetap berfungsi sebagai pembawa obor ilmu. Hal ini penting dalam usaha memperkasa peradaban masyarakat dan negara.

SINOPSIS BUKU




**Bencana Banjir Dan Kawalannya Di Malaysia :
Banjir Besar Johor
2006/2007**
Bangi, Selangor : Penerbit
UKM, 2012. 156ms.
ISBN 978-967-412-054-2

Buku ini memuatkan sorotan peristiwa banjir yang berlaku serta langkah-langkah mengawalnya oleh kerajaan Malaysia. Banjir terbahagi kepada dua jenis iaitu banjir kilat dan banjir musiman. Banjir kilat berlaku akibat curahan hujan yang berlebihan, aras air naik dengan pantas dan surut dalam masa singkat. Banjir musiman atau monsun berlaku dalam musim tengkujuh. Air melimpah dan melitupi kawasan sekitaran yang luas dalam tempoh yang lama. Hujan turun berterusan, biasanya lebat dan renyai bersilih ganti. Universiti Kebangsaan Malaysia telah menubuhkan penyelidikan rentas disiplin bagi mengkaji sebab dan kesan banjir di negeri Johor pada Disember 2006 dan Januari 2007. Ia diharapkan dapat menilai keberkesanan langkah mitigasi dan pengurusan banjir terintegrasi yang telah dilaksanakan serta mencadangkan langkah lanjutan untuk meningkatkan kemampuan mengawal banjir pada masa hadapan. Selain itu, satu pelan kontigensi pelancongan diperlukan bagi menghadapi banjir. Ia termasuk meneliti kos dan nilai aset pelancongan untuk tindakan pemulihan dan pemuliharaan kawasan warisan.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



LEONG, GEORGE
**Believe In Your Dreams &
Grow Rich : How You
Can Create RM100,000
Net Worth In Four Years
Without Quitting Your
Job**
Petaling Jaya :
TrueWealth, 2012. 157p.
ISBN 978-967-416-011-1

Money is one of the topics that schools never teach. Yet money is extremely important in our lives. So it is time for you to believe in your dreams and grow rich. You can be rich, as long you learn about winning strategies to make that dream of yours become reality. With a strong desire, the right mindset and proven money making strategies, you can achieve financial abundance. This is one of the powerful and practical books ever written on how to create, manage and grow your money. It is a must read for students, working adults, professionals, and anybody who wants to achieved financial abundance. The best investment is an investment in yourself. This book will help you to achieve your dreams.


SINOPSIS BUKU



AIZID, RIZEM
**Cara Mudah Untuk
Membuka Kedai Dobi**
Batu Caves, Selangor : Ar-Risalah Product, 2012. 146
ms.
ISBN 978-967-0268-30-9

Perkhidmatan dobi ialah perkhidmatan yang ditawarkan oleh seseorang untuk membersihkan pakaian orang lain. Perkhidmatan tersebut meliputi cucian, pembersihan dari kotoran, menggosok baju selepas dicuci dan lain-lain lagi yang berkaitan dengannya. Perniagaan dobi menjanjikan pulangan yang lumayan kerana selain modal yang kecil, perniagaan ini tidak terlalu susah dan boleh dilakukan dari rumah sahaja. Anda hanya perlu bertanggungjawab untuk merawat, membersih dan mencuci pakaian para pelanggan sebaik mungkin. Oleh itu, perkhidmatan dobi merupakan perniagaan sampingan terbaik yang sesuai untuk dimulakan. Buku ini akan membahaskan tentang teknik dan tips berkaitan dengan perniagaan dobi, bermula dari teknik memulakan perniagaan, sehingga tips penjagaan pakaian. Selain itu, perincian modal sebelum memulakan perniagaan juga akan diterangkan secara terperinci. Dengan itu, buku ini dapat dijadikan panduan untuk anda yang ingin memulakan perniagaan perkhidmatan dobi, serta menuai keuntungan berlipat ganda dari perniagaan tersebut.


SINOPSIS BUKU



WAN AB KADIR WAN
DOLLAH
**Digital Reference Services
In Academic Libraries**
Kuala Lumpur : Universiti of
Malaya Press, 2012. 156p.
ISBN 978-983-100-541-5

This book focuses on the background of DRS (Digital Reference Services), evolution of DRS, the concept of DRS, emerging models of DRS, benefits and limitation of DRS, personalized services, trends and challenges, technological developments, evaluation and guideline, effectiveness and DRS in academic libraries. Focused is given on the awareness, usage, user's perception, user's satisfaction, library's performance, and looked at the perceive needs, issues and problems faced by librarian and students. The study is important to determine how academic librarians are exploiting the latest information and communication technologies to improve reference service operations. Recommendation are made on the need for the implementation of synchronous DRS, enhancing the role of DRS, marketing and promotion, staff training, user education programmes and cooperation. The main contribution of this book is the assessment of effectiveness of DRS in academis libraries in Malaysia, the identification of perceived needs, issues and problems and suggestions on the areas of improvement in the use of DRS in academic libraries in Malaysia is presented.

SINOPSIS BUKU



FINANCE FOR BEGINNERS


Hafeez Kamaruzzaman MBA

HAFEEZ
KAMARUZZAMAN
Finance For Beginners
Petaling Jaya : True
Wealth, 2012. 169p.
ISBN 978-967-416-003-6

This book is all about fundamentals of finance and its personnel. It provides an insight a window opening on seemingly elitist finance world, on necessary fundamentals specifically for the laymen on the street. This book will give you, a member of such a global citizen group, necessary fundamentals of finance in order to appreciate and understand the situation at hand. It should be the first reference for a beginner, who could then use it as a springboard for more advanced topics of finance. This book will cover about definite primer on finance, discusses the concept of value, time-value of money, assets, capital, free cash flow and valuations in laymen language, emphasis on the key concept in finance that would appear again and again and also commentary on the recent Global Financial Crisis 2007-2009.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




JUNE RAMLI
**How Millionaires Got
Their First Break**
Petaling Jaya :
TrueWealth, 2012. 125p.
ISBN 978-967-416-004-3

This book is a compilation of six successful Malaysian entrepreneurs on how they started their business venture from zero to hero. They worked their way to be where they are today. Among the millionaires featured in this book are Winnie Loo (A Cut Above Hair Salons), Tuan Haji Burhanuddin Md Radzi (Les' Copaque Production), Noor Hijerah Hanafiah (Noor Arfa Batik), Datuk Dr Paul Chan Tuck Hoong (HELP University) and Tan Sri Dato' Sri Leong Hoy Kum (Mah Sing Group Berhad). If you have burning desire to start a business or become financially independent then this is the book for you. It is full real life stories that can motivate and inspire you on the road to success.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




RAMLI AWANG
**Islam : Pemikiran
Kenegaraan Dan
Pemerintahan**

Johor Bahru : Penerbit UTM
Press, 2012. 190ms.
ISBN 978-983-52-0832-4

Buku ini menyajikan konsep asas pemikiran tentang kenegaraan dan pemerintahan yang kurang difahami oleh sebahagian besar umat Islam hasil ideologi sekular yang melingkari kehidupan harian mereka. Kefahaman mengenai ideologi kenegaraan dan pemerintahan ini amat penting khususnya kepada generasi muda, kerana ianya akan memberi kesan kepada rohani dan jasmani mereka. Perbincangan mengenai kenegaraan dan pemerintahan ini dikemukakan secara serentak untuk memberi peluang kepada pembaca mempertimbangkan corak pemikiran politik negara Islam sekarang, kerana istilah politik sering menjadi perbalahan di kalangan umat Islam, tetapi tulisan ini bukan kajian perbandingan. Turut menjadi topik perbincangan ialah konsep Islam mengenai kenegaraan dan politik serta persoalan-persoalan yang berkaitan dengannya. Analisa akan kedudukan fahaman Islam sekular turut diperbincangkan di dalam buku ini selain masalah penyatuan umat, kaitan jihad dengan negara Islam serta kezaliman yang kini menjadi satu suasana yang biasa dapat dilihat di mana juga. Walaupun penulisan ini ringkas tetapi ia amat sesuai dibaca oleh golongan dewasa Islam sebagai penambah ilmu pengetahuan.

SINOPSIS BUKU




SIREGAR, MUKHLIDAH
HANUN
**Kesilapan Dalam
Penjagaan Kecantikan
Dan Kesihatan**
Batu Caves, Selangor : Ar-
Risalah Product, 2012.
180ms.
ISBN 978-967-0268-19-4

Setiap wanita pasti mahu kelihatan cantik dan sihat. Kecantikan adalah sesuatu yang diidam-idamkan oleh ramai orang, terutamanya wanita dan menjadi perkara yang dibanggakan oleh kaum lelaki. Mereka akan bangga kerana mempunyai pendamping hidup yang cantik. Keinginan untuk cantik ini kemudiannya diiringi dengan pelbagai cara dan rawatan yang dilakukan, sama ada yang dilakukan secara teratur atau tidak, atau yang dilakukan di rumah atau di salon kecantikan. Seseorang yang ingin cantik juga seharusnya tidak mengabaikan kesihatan kerana cantik dan sihat merupakan dua perkara yang berhubung kait. Dalam buku ini, penulis mengajak para wanita untuk melihat kesilapan yang sering dilakukan dalam menjaga kecantikan dan kesihatan agar terhindar dari kesilapan ketika memilih produk yang sesuai dengan mereka.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



HAVIVA A.B.
**Khasiat Dan Manfaat
Daun Sirih Merah**
Batu Caves, Selangor : Ar-
Risalah Product, 2012.
104ms.
ISBN 978-967-0268-24-8

Mencegah itu lebih baik daripada mengubati. Sihat dan sakit merupakan suatu pilihan kepada seseorang individu. Menjaga kesihatan itu penting kerana segala aktiviti dan pekerjaan akan berjalan dengan lancar walaupun kesihatan bukanlah faktor penentu kepada kejayaan seseorang individu. Oleh itu penulis telah mengambil inisiatif untuk menyelami akan khasiat dan manfaat daun sirih merah yang pada hari ini agak sukar untuk ditemui. Manfaat daun sireh merah bukan sahaja kepada kesihatan malah juga kepada kecantikan, seperti boleh mengubati penyakit diabetes mellitus iaitu dengan merebus daun sireh merah dan meminum air rebusan tersebut. Penyakit jantung koronari juga boleh diubati dengan ramuan daun sireh merah sahaja ataupun digabung dengan herba lain, selain amalan bersenam. Perkongsian ilmu oleh penulis berkaitan kaedah pengubatan secara tradisional dengan menggunakan daun sireh merah seperti penyakit gout, tibi dan lain-lain boleh ditemui dalam buku ini.

SINOPSIS BUKU



PUTRA, SITI ATAVA
RIZEMA
Manfaat Buah Naga
Batu Caves, Selangor : Ar-
Risalah Product, 2012.
138ms.
ISBN 978-967-0268-22-4

Buah naga atau *dragon fruit* merupakan buah yang mempunyai khasiat dan keunikannya yang tersendiri. Ia tergolong di dalam keluarga tumbuhan kaktus. Terdapat dua jenis yang berlainan isinya iaitu isi putih dan isi merah. Buah Naga juga kaya dengan potassium, ferum, protein, serat, sodium dan kalsium yang baik untuk kesihatan. Kandungan air yang terdapat di dalam buah naga juga sangat tinggi iaitu 80-90% daripada beratnya. Buah ini juga mengandungi vitamin C yang tinggi. Zat makanan lain yang terkandung di dalam buah ini antaranya kalsium, zat besi dan fosforus. Buah naga juga berupaya menjadi pencegah kanser usus, penyeimbang kadar gula dalam darah, pengurang kolestrol dan beberapa penyakit lain. Buku ini berkongsi maklumat tentang khasiat dan manfaat buah naga. Ia diperjelaskan lagi dengan maklumat morfologi, kesesuaian tanaman ini dan juga potensinya. Selain itu juga, beberapa resepi menggunakan buah naga turut disertakan di dalam buku ini.

SINOPSIS BUKU



**Membongkar
Penyelewengan Mencari
Kebenaran : Karya
Pemenang Anugerah
Kajai Hadiah
Kewartawanan Malaysia
MPI Petronas 1980-2011**
Kuala Lumpur : Media
Global Matrix, 2012.
297ms.
ISBN 978-967-10918-1-4

Buku ini adalah koleksi karya para pemenang Anugerah Kajai (AK), Hadiah Kewartawanan Malaysia (HKM) yang diuruskan oleh Malaysian Press Institute di antara tahun 1980 hingga 2011. HKM telah diinstitusikan pada tahun 1980 dengan tiga tujuan utama iaitu memberi hadiah kepada wartawan yang menghasilkan tugas cemerlang, meningkatkan mutu kewartawanan dan untuk menggambarkan usaha wartawan dalam semua media massa sama ada bercetak atau elektronik. Karya-karya yang menyertai HKM adalah produk kewartawanan. Ia adalah karya yang berdasarkan fakta, bukan fiksyen. Pemilihan topik terserah kepada wartawan sendiri dan mereka bebas memilih topik yang menjadi tarikan pembaca. Karya-karya yang memenangi Anugerah Kajai ini boleh dikategorikan sebagai kawartawanan penyiasatan. Ia bukan hanya menghidangkan yang tersurat, tetapi juga yang tersirat di sebalik topik yang dibentangkan. Diharapkan para wartawan muda dapat menggunakan buku ini sebagai rujukan dalam menghasilkan karya yang bermutu dalam dunia pemberitaan.


SINOPSIS BUKU



MUHAMMAD ABDUL
MALIK HAJI ABDUL
KARIM
**Menanti Fajar
Menyingsing : Detik-Detik
Kebangkitan Rakyat
Mesir**
Kuala Lumpur : Telaga
Biru, 2012. 184ms.
ISBN 978-967-388-087-4

Kejatuhan Husni Mubarak dan kerajaan korup yang dipimpinnya adalah berpunca dari tangan mereka sendiri yang telah memilih jalan kerosakan dan kemungkaran yang jelas menolak kebenaran. Kerajaan rejim Mubarak yang rakus berkuasa selama lebih 30 tahun ke atas Mesir berjaya ditumbangkan oleh revolusi rakyat hanya dalam tempoh masa 18 hari. Sebagai contoh, kejayaan itu dibantu oleh semangat perjuangan para pemuda mereka yang telah menggunakan kemudahan canggih seperti internet dan laman sosial lain. Di dalam buku ini terkandung maklumat mengenai catatan harian peristiwa-peristiwa yang berlaku sepanjang peristiwa revolusi. Maklumat tersebut disusun berdasarkan laporan media cetak dan elektronik di Mesir. Ia turut memaparkan rahsia-rahsia sebelum dan selepas revolusi tersebut berlaku. Banyak pengajaran yang diperolehi melalui buku ini dan menyedarkan serta memberi iktibar kepada para pembaca.


SINOPSIS BUKU



**Mercu Kesarjanaan
Pengajaran Dan
Pembelajaran :
Penyelidikan Tindakan Di
Institusi Pengajaran Tinggi**
Bangi, Selangor : Penerbit
Universiti Kebangsaan
Malaysia, 2012. 366ms.
ISBN 978-967-942-964-0

Buku ini merupakan hasil himpunan kertas kerja Kongres Pengajaran dan Pembelajaran, 2009 di Awana Porto Malai Ali, Langkawi yang telah dibentangkan oleh para pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Buku ini bertujuan untuk berkongsi pengalaman dan hasil kajian daripada penyelidikan tindakan yang telah dijalankan untuk mengetengahkan pelbagai aspek berkaitan pengajaran dan pembelajaran (P&P) dalam konteks pendidikan tinggi. Penulisan hasil penyelidikan tindakan disampaikan dalam pelbagai format, iaitu berbentuk laporan teknikal atau bersifat naratif. Topik pendidikan yang dikaji terbahagi kepada pembelajaran pelajar, kaedah mengajar, kaedah mengurus proses penyelidikan serta penerokaan kurikulum yang membuktikan peningkatan pembelajaran. Selain itu, orientasi penyelidikan tindakan dalam buku ini terbahagi kepada dua pendekatan utama, iaitu membuat diagnosis secara sistematik dan saintifik terhadap masalah P&P, serta melaksanakan perubahan pendekatan P&P dengan meneliti perubahan tersebut.


SINOPSIS BUKU



ABD. KADIR
Misteri Otak Kiri Manusia
Batu Caves, Selangor : Al-Risalah Product, 2012.
183ms.
ISBN 978-967-0268-47-7

Otak manusia terbahagi kepada dua bahagian iaitu kiri dan kanan di mana fungsinya adalah berbeza antara satu sama lain. Buku ini akan menerangkan secara terperinci mengenai otak kiri manusia dan fungsinya. Otak kiri manusia berfungsi dengan perkara yang melibatkan logik, rasional, kemampuan menulis dan membaca, pengendalian nombor atau matematik dan dikenali juga sebagai pusat I.Q (Intelligence Quotient). Antara topik perbincangan di dalam buku ini adalah perbezaan antara otak kiri dan otak kanan, perkara-perkara yang dapat membantu untuk mempertingkatkan perkembangan otak, kemampuan yang tersimpan di dalam otak kiri dan perkembangan otak kanan. Buku ini dapat memberikan maklumat yang berguna kepada semua lapisan masyarakat khususnya ibu bapa, pendidik dan tenaga pengajar untuk mengenal pasti fokus pembangunan dan pengasahan otak seseorang individu.


SINOPSIS BUKU



RAHMAH ISMAIL
Modal Manusia Dalam
Pembangunan Ekonomi :
Memacu Produktiviti Dan
Daya Saing
Bangi, Selangor : Penerbit
Universiti Kebangsaan
Malaysia, 2012. 85ms.
ISBN 978-967-412-025-2

Buku ini merupakan sebuah buku yang terhasil daripada Syarahan Perdana Jawatan Profesor Universiti Kebangsaan Malaysia. Syarahan ini mengupas pelbagai penemuan empirik tentang sumbangan modal manusia kepada pertumbuhan dan pembangunan ekonomi sesebuah negara. Penemuan empirik adalah tidak seragam bergantung pada sampel, tahap kajian dan kawasan kajian. Dalam penulisan buku ini, sumbangan modal manusia dibincangkan dalam lima subtajuk penting bagi merangkumi pertumbuhan dan pembangunan ekonomi. Skop pertumbuhan ekonomi membincangkan mengenai kecekapan, produktiviti, daya saing dan pertumbuhan output manakala skop pembangunan ekonomi pula membincangkan mengenai pendapatan, upah, agihan pendapatan dan agihan upah. Syarahan yang terkandung di dalam buku ini juga turut mencadangkan supaya kualiti pelaburan modal manusia terutamanya pendidikan dan latihan perlu dipertingkatkan dan halangan institusi dikurangkan melalui pelbagai strategi dan dasar negara.

SINOPSIS BUKU



SHAKER MUSTAFA
Mudahnya Coaching & Mentoring
Kuala Lumpur : Inteam
Pub., 2012. 190ms.
ISBN 978-967-0326-40-5

Buku ini merupakan sebuah modul kursus berkaitan *coaching* dan *mentoring*. *Coaching* adalah proses interaktif melalui pengurus-pengurus dan penyelia-penyelia yang bertujuan untuk menyelesaikan masalah prestasi atau membina kebolehan pekerja. *Coaching* adalah berasaskan kepada kematangan emosi. Ia merupakan kaedah yang sangat berkesan untuk mencungkil dimensi yang tersembunyi bagi setiap pekerja. *Coaching* yang berkesan memudahkan pekerjaan anda untuk tujuan mengatasi masalah-masalah prestasi, membangunkan kemahiran pekerja, meningkatkan produktiviti, meningkatkan pelbagai kemahiran pegawai yang boleh dinaikkan pangkat di bawah penyeliaan anda, mengurangkan kadar perletakkan jawatan di kalangan pekerja dan menyemai budaya kerja yang positif. Buku ini amat sesuai dimiliki oleh pekerja di peringkat penyelia atau eksekutif dan ke atas.


SINOPSIS BUKU



INTAN NADIA GHULAM KHAN ... [et al.]
Nikah Sindiket Di Malaysia
Nilai, Negeri Sembilan :
Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia, 2012.
100ms.
ISBN 978-967-0393-40-7

Pernikahan secara sindiket adalah merupakan pernikahan yang tidak mengikut peraturan dan saluran yang diiktiraf oleh perundangan di Malaysia. Fenomena nikah sindiket ini telah mencetuskan idea bagi penulis-penulis tersebut yang telah bersatu untuk membuka mata masyarakat dengan menulis buku ini. Perbincangan definisi, penjelasan dan penerangan mengenai faktor-faktor berlakunya dan jenis-jenis nikah sindiket ini turut dinotakan oleh penulis dalam bukunya. Pelbagai implikasi yang akan membawa kemudaratannya kepada masyarakat sekiranya nikah sindiket ini tidak dibendung sama ada kepada status perkahwinan, hak isteri semasa dan selepas perceraian, ke atas anak dan harta pusaka serta pihak-pihak yang tertentu. Selain dalil-dalil dari al-Quran, hadis dan perbahasan para fuqaha, penulisan buku ini turut dimantapkan lagi dengan menampilkan beberapa kes sebagai menguatkan hujahan bagi setiap masalah ataupun perkara yang berkaitan supaya pembaca boleh memahami maksud yang ingin disampaikan oleh penulis. Buku ini sesuai sebagai rujukan dan menambahkan ilmu pengetahuan kepada semua pembaca.

SINOPSIS BUKU




RAMADHAN, AHMAD
JUNI
**Panduan Memahami
Pelbagai Gangguan Pada
Darah Dan Pembuluh
Darah**

Batu Caves, Selangor : Ar-
Risalah Product, 2012.
264ms.

ISBN 978-967-0268-38-5

Pembuluh darah ialah bahagian dari sistem peredaran dan berfungsi mengalirkan darah ke seluruh tubuh. Dari sinilah bermula pelbagai jenis penyakit dari yang ringan seperti pengsan, hingga pada yang membawa maut seperti masalah jantung, strok, darah tinggi dan barah. Pembuluh darah dan darah yang tidak sihat adalah akibat daripada pola dan gaya hidup manusia yang tidak menitikberatkan kesihatan. Terdapat enam (6) bab dalam buku ini yang menerangkan jenis dan fungsi pembuluh darah, mengenali tekanan darah, penyebab kepada masalah pada pembuluh darah, mengenali darah tinggi dan mengenali organ jantung. Pada bab terakhir ini, pembaca akan dapat mengetahui jenis-jenis penyakit yang berkaitan dengan gangguan pembuluh darah. Ilustrasi juga turut disertakan bersama keterangan supaya pembaca lebih memahami fungsi sistem peredaran darah tersebut.

SINOPSIS BUKU




AHMAD FEDTRI YAHYA
**Pantun Penyeri
Pengantin**

Shah Alam : Grubuku
Karangkraf (Buku Prima),
2012. 115ms.
ISBN 978-967-0342-57-3

Indah didengar dengan lenggokan nada dan alunan, itulah pantun yang menjadi warisan Melayu yang mesti dimartabatkan walaupun ianya tidak sepopular dahulu, tetapi masih dituturkan di majlis pertunangan dan perkahwinan bagi tujuan menyampaikan maksud yang tersirat. Pengalaman dan idea dari penulis telah diterjemahkan ke dalam buku ini agar ianya dapat dikongsi dengan semua pembaca. Koleksi pantun ini turut digarap dengan unsur-unsur keislaman supaya elemen Melayu dan Islam dapat disatukan, menjadi lebih cantik susilanya walaupun penulis menekankan judul bukunya kepada pengantin. Pantun empat kerat yang ditulis ada yang lucu, sedih, nasihat, motivasi dan menyentuh hati tetapi penulis menyatakan ianya sebagai panduan, kerana pengalaman yang dilalui dan dimiliki memberi ilham untuk penulis mencipta pantun. Peminat pantun dan seni mesti memiliki buku ini kerana ia mengandungi pelbagai nilai intelektual yang boleh diadaptasi dalam kehidupan harian.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



CAHYO, AGUS N.
**Pelaburan Emas, Kaya
Selangit**
Batu Caves, Selangor : Ar-
Risalah Product, 2012.
182ms.
ISBN 978-967-0268-28-6

Emas dianggap sebagai alat penyimpan wang terbaik kerana nilainya yang tinggi, tahan lama, tidak mudah rosak, dan tidak mudah reput. Hal ini berbeza dengan wang yang bahannya mudah rosak, dan daya tahannya kurang dibandingkan dengan emas. Aset emas memiliki banyak kelebihan jika dibandingkan dengan aset yang lain. Kelebihan utama emas ialah kemampuannya dalam membendung inflasi. Akhir-akhir ini pelaburan emas menjadi semakin terkenal. Ini adalah kerana, pelaburan emas pasti menghasilkan keuntungan, sama ada dilakukan dengan cara tradisional maupun menggunakan strategi rahsia dalam pelaburan emas. Buku ini akan mengulas tentang selok-belok pelaburan emas, terutama mengenai pelaburan cara tradisional dan menggunakan strategi rahsia. Buku ini juga merangkumi tentang faktor-faktor yang menyebabkan naik turunnya harga emas, tips tepat memilih pelaburan emas serta potensinya, teknik jitu tentang penjualan emas, tips pelaburan emas, panduan menyimpan emas, serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya.


SINOPSIS BUKU



MOHD FADZIL AKHIR
**Pemanasan Global :
Fenomena Yang Sedang
Mengancam Bumi**
Kuala Lumpur : Dewan
Bahasa dan Pustaka, 2012.
188ms.
ISBN 978-983-46-0828-6

Buku ini dihasilkan dengan tujuan memberi liputan komprehensif yang termampu oleh penulisnya agar isu perubahan iklim, pemanasan global dan kesan gas rumah hijau ini dapat difahami dari konteks teori dan praktikal. Bahagian awal buku ini akan menjawab persoalan asas dengan hujah sains tentang bagaimana masalah ini boleh bermula. Kemudian, pembaca akan dibawa untuk membongkar tentang apa yang sedang berlaku pada bumi sekarang. Buku ini cuba menterjemahkan bahasa sains dalam isu ini dengan gaya bahasa yang santai dan bersahaja untuk lebih mudah difahami. Pengalaman penulis serta beberapa kisah relevan dengan isu yang dibawa juga disisipkan supaya topik ini lebih realistik untuk diteliti. Penerbitan buku ini merupakan sebahagian daripada usaha untuk mengukuhkan koleksi bahan berbahasa Melayu dalam bidang ini di pasaran.


SINOPSIS BUKU



Pemikiran Sasterawan Negara Keris Emas
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2012.
608ms.
ISBN 978-983-46-0813-2

Buku ini merupakan sebuah buku yang mengandungi kertas kajian hasil daripada Seminar Pemikiran Sasterawan Negara Kamaludin bin Muhammad, yang dikenali dengan nama Keris Mas. Ia mengandungi sebanyak 29 buah kertas kajian oleh pengkaji yang terdiri daripada sarjana dan pakar bidang sastera dan linguistik. Kajian ini merangkumi pelbagai genre hasil karya Keris Mas iaitu novel, cerpen dan eseи kritikan. Pelbagai teori sastera diaplikasikan oleh pengkaji dalam membincangkan sejumlah karya Keris Emas bagi meneroka daya pemikiran kreatif sama ada yang tersurat dan tersirat di dalam karya yang telah dihasilkan. Buku ini juga memuatkan enam buah kertas iringan yang ditulis oleh penulis muda hasil kajian yang meliputi pelbagai genre ini menyerlahkan lagi pemikiran dan ketokohan Sasterawan Negara Keris Emas yang mana ia sekali gus dapat dijadikan bahan rujukan sosiobudaya masyarakat negara ini.


SINOPSIS BUKU



AZIZI YAHYA ... [et al.]
Penyelewengan Tingkah Laku Remaja : Punca & Rawatan
Johor Bahru : Penerbit UTM Press, 2012. 256ms.
ISBN 978-983-52-0843-0

Remaja adalah golongan antara peringkat kanak-kanak dan dewasa iaitu tahap sebelum sampai kematangan fikiran dan akal. Pada tahap ini ia mudah terpengaruh dan mudah cepat teruja terhadap sesuatu dan membuat keputusan untuk bertindak bukan dengan pemikiran yang matang. Persoalan ini telah memberi idea kepada para penulis tersebut untuk mengkaji dan membincangkannya sekaligus berkongsi dengan pembaca melalui penulisan mereka. Perbincangan buku ini menekankan mengenai buli, lepak, delinkuen, ponteng, gengsterisme dan tingkah laku agresif yang lain ataupun dipanggil keceluaran tingkah laku, yang seringkali menimbulkan keresahan dan kebimbangan kepada ibu bapa, para pendidik dan masyarakat umumnya. Ciri-ciri, faktor, punca, cara mengatasi, kesan, rawatan, dalam isu keceluaran tingkah laku ini menjadi topik utama buku ini. Kaedah yang dilengkapkan dalam buku ini boleh dijadikan rujukan dan panduan kepada semua pembaca untuk membantu remaja yang mempunyai masalah tingkah laku dalam kehidupan.

SINOPSIS BUKU




WAN NORHASNIAH WAN HUSIN
Peradaban Dan Perkauman Di Malaysia:
Hubungan Etnik Melayu-Cina

Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, 2012.
432ms.
ISBN 978-983-100-549-1

Isu hubungan etnik Melayu dan etnik Cina telah lama diperbincangkan untuk mencari kaedah penyelesaiannya. Penulis buku ini telah memfokuskan perbincangan mengenai isu ini dengan menganalisis dan menilai punca konflik antara etnik Melayu dan etnik Cina dalam proses pembinaan negara-bangsa dari perspektif peradaban. Nilai induk dan rukun teras yang diwarisi oleh etnik Melayu dan etnik Cina merupakan salah satu faktor proses yang menyukarkan untuk menyatukan kedua-dua etnik tersebut kerana masing-masing mempunyai unsur budaya dan peradaban yang bertembungan. Masing-masing mempunyai alasan untuk mempertahankan hak mereka dalam memaparkan nilai induk iaitu nilai dalaman yang memacu pemikiran dan perlakuan manusia dan rukun teras iaitu mencakupi agama, budaya, bahasa, politik, sosial dan kesenian, yang sukar untuk dipandu ke arah satu jalan. Saranan penulis dalam tulisannya iaitu untuk mengurangkan ketegangan hubungan etnik antara Melayu dan Cina ialah memupuk nilai tolak ansur, saling hormat-menghormati dan menghayati sejarah Tanah Melayu dan mamatuhui segala peruntukan yang termaktub dalam perlembagaan negara dan menghormati Kontrak Sosial. Sesuai dibaca oleh semua lapisan masyarakat.


SINOPSIS BUKU



**Perancangan Dan
Pembangunan Bandar**
Shah Alam : Pusat
Penerbitan Universiti
(UPENA), 2012. 208ms.
ISBN 978-967-363-130-8

Buku ini cuba menyediakan kefahaman tentang perancangan dan pendekatan semasa pembangunan bandar di Malaysia. Tujuannya adalah untuk mendedahkan kepada para pengamal serta pelajar-pelajar bidang yang berkaitan tentang aspek perancangan dan pembangunan bandar yang melibatkan pelbagai faktor seperti sosial, ekonomi, budaya dan persekitaran. Akan tetapi, pembangunan mestilah seimbang bagi menjamin perubahan dan peningkatan kualiti dari segenap aspek. Hal ini kerana, perancangan adalah sesuatu yang bersifat masa depan. Ia akan memastikan masa hadapan yang bakal dilalui berada dalam keadaan yang selesa dan tenteram. Idea dalam perancangan fizikal terus berkembang bukan sahaja untuk membangun dan merancang kawasan penempatan, malahan perancangan meliputi aspek makro, iaitu merancang suatu bandar. Senario pembangunan di Malaysia dapat dilihat berkembang sejak negara mencapai kemerdekaan. Malaysia telah mengalami proses pembangunan yang ketara, iaitu daripada sebuah negara yang mundur kepada sebuah negara yang membangun. Pembangunan yang dirancang akan lebih menyerlah apabila fokus pembangunan direka untuk kesejahteraan penduduk sekaligus meningkatkan taraf hidup masyarakat.

SINOPSIS BUKU



AHMAD SIDQI DANIAL
**Rahsia Dua Surah
Penyeri Subuh Jumaat :
Membongkar Kehebatan
Surah As-Sajadah Dan Al-
Insan**
Petaling Jaya : Galeri Ilmu,
2012. 160ms.
ISBN 978-983-097-324-1

Buku ini mengandungi huraian keseluruhan surah as-Sajadah dan al-Insan. Buku ini menerangkan kelebihan membaca kedua-dua surah ini pada hari Jumaat yang mana ia merupakan satu sunnah. Segala perkara yang terkandung di dalam surah ini telah dihuraikan secara terperinci. Surah as-Sajadah ini menitikberatkan persoalan akidah manusia yang menjadi tujuan utama dakwah Rasulullah s.a.w kepada penduduk Makkah khasnya dan seluruh dunia amnya. Surah al-Insan pula banyak membincangkan mengenai persoalan akidah dan penciptaan manusia serta hal-hal yang berkaitan dengan hari kiamat serta pembalasan setiap amalan manusia. Surah ini juga dikenali sebagai surah ad-Dahri yang bermaksud masa atau satu ketika. Secara keseluruhannya, kedua-dua surah ini menceritakan perihal balasan syurga dan neraka bertepatan dengan peristiwa yang berlaku pada hari Jumaat. Buku ini perlu dibaca oleh setiap umat Islam untuk memahami dengan lebih mendalam mengenai rahsia di sebalik dua surah ini yang menjadi penyeri pada hari Jumaat.

SINOPSIS BUKU




MOHD SUHAIMY
**Rahsia Usahawan Ebook
Terbongkar : Panduan
Menjana Pendapatan
Dalam Internet Dengan
Ebook**

Petaling Jaya : TrueWealth,
2012. 151ms.
ISBN 978-967-416-017-3

Dunia tanpa sempadan membantu manusia mendapatkan maklumat tanpa sebarang sekatan dan tapisan. Maklumat boleh diakses dengan cepat dan pantas. Justeru itu Mohd Suhaimy cuba merungkai dengan membincangkan mengenai ebook dalam konteks menjana pendapatan melalui internet. Sebagai penulis yang berpengalaman dan mempunyai ilmu dalam perniagaan internet, beliau berhasrat untuk berkongsi pengalaman dengan pembaca. Tips, cara dan teknik yang ditulis oleh penulis mengenai ebook dalam buku ini amat bermanfaat kerana ia membimbing pembaca dari peringkat permulaan hingga ebook tersebut dipapar di skrin komputer dan dibaca oleh seluruh dunia. Keuntungan yang diperolehi dan bagaimana proses bayaran dari pembeli ebook serta cara wang tersebut dipindah ke akaun pembuat ebook turut dijelaskan oleh penulis. Kepelbagaiannya kaedah yang disampaikan penulis melalui tulisannya boleh dipraktikkan oleh semua pembaca kerana ia ringkas dan mudah difahami.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




JUMALI SELAMAT
Sejarah Perkembangan Novel Remaja Di Malaysia
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka ,
2012. 182 ms.
ISBN 978-983-46-0686-2

Secara umumnya, kelompok remaja merupakan golongan terpenting dalam sesebuah komuniti. Golongan remaja ini akan menjadi pelapis dalam sesebuah negara dan menjana pemantapan dalam bidang politik, ekonomi dan sosial. Sastera Melayu moden kini semakin berkembang dan mula mendapat tempat di hati para remaja. Sastera remaja merupakan wahana penting dalam usaha mengisi sebahagian keperluan dan tuntutan remaja. Perkembangannya semakin popular disebabkan wujudnya arus kesedaran bahawa sastera remaja bukan sahaja mampu memberi hiburan, keseronokan dan pengetahuan, malahan merupakan wadah untuk menyampaikan mesej dan menyerapkan unsur pembinaan insan, pengisian minda, pembentukan sahsiah dan pemantapan psikologi. Buku ini membincangkan secara terperinci tentang perkembangan sejarah penerbitan novel remaja di Malaysia bermula dari tahun 1950-an sehingga tahun 2008. Buku ini juga menjelaskan tentang latar belakang sastera remaja di Malaysia, definisi, konsep, peranan sastera remaja dan kepentingannya kepada pembaca remaja.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



SEOW, TA WEE
**Sumbangan Komuniti
Pengutip Sampah Dalam
Pengurusan Sisa Pepejal
Di Malaysia**
Batu Pahat, Johor :
Penerbit Universiti Tun
Hussein Onn Malaysia,
2012. 102ms.
ISBN 978-967-5457-99-9

Isu sisa pepejal merupakan satu isu multidisiplin yang melibatkan pelbagai bidang seperti kejuruteraan, sains, ekonomi, kesihatan dan sosial. Dalam isu sosio ekonomi pengurusan sisa pepejal, pengutip sampah merupakan salah satu komuniti yang tidak boleh dipinggirkan. Golongan ini bekerja dalam satu persekitaran yang kotor dan mengutip sampah yang bernilai untuk dikitar semula. Golongan pengutip sampah sepatutnya diberikan penghargaan yang tinggi oleh masyarakat kerana golongan inilah yang mengutip sampah dan mengasing sampah mengikut jenis sampah yang kita buang di tepi jalan, tong sampah dan di tapak pelupusan. Malangnya, masyarakat kita memandang rendah terhadap mereka atas sifat pekerjaan mereka. Buku ini mengupas sifat pengutip sampah, pengutip sampah di luar negara, latar belakang responden pengutip sampah di negeri Johor, isu sosial, isu ekonomi, isu kesihatan, pengetahuan mereka terhadap persekitaran kerja serta cadangan terhadap pengurusan pengutip sampah.

SINOPSIS BUKU




**NUR KHASANAH
Susu Ibu Atau Susu
Formula?**

Batu Caves, Selangor : Al-Hidayah House of Publishers, 2012. 238ms.
ISBN 978-967-0267-82-1

Susu ibu merupakan makanan terbaik untuk bayi dan anak. Ia akan menimbulkan masalah apabila anak atau bayi tidak mendapat bekalan susu ibu dengan mencukupi. Penggunaan pengganti susu ibu menjadi alternatif dan pemilihan susu terbaik bagi anak dan bayi perlu dilakukan dengan teliti untuk memberikan khasiat yang baik kepada anak. Buku ini memberikan maklumat mengenai kandungan, kelebihan dan kelebihan susu formula dan juga susu ibu. Teknik memegang bayi dan posisi penyusuan yang betul juga diterangkan di dalam buku ini. Buku ini dapat membantu para ibu terutamanya yang baru pertama kali melahirkan untuk mendapatkan maklumat serta penjelasan lengkap dan tepat mengenai susu ibu dan susu formula.


SINOPSIS BUKU



ABU AMIRUL
Terapi Hati
Shah Alam : Grupbuku
Karangkraf, 2012. 200ms.
ISBN 978-967-86-0401-7

Di kalangan umat Islam hari ini semakin berleluasa wabak hasad dengki, bakhil, cintakan dunia, pendendam, cepat marah, buruk sangka, sompong, riak dan sifat mazmumah yang lain. Hakikat bahawa bilangan insan yang menderita sakit atau krisis jiwa kini adalah lebih ramai daripada pesakit fizikal yang berada di pusat rawatan. Buku ini menyelitkan maksud ayat-ayat dari al-Quran dan hadis bagi menguatkan hujah-hujah berkaitan dengan isu kerohanian yang dibangkitkan. Tiada cara hidup selain Islam yang dapat menjadikan kita terhibur dan berlapang dada dalam menghadapi masalah kemiskinan, kesakitan, kematian dan seumpamanya. Pada setiap bab, penulis menyelitkan mutiara kata berupa nasihat sebagai ingatan kepada pembaca. Buku ini sesuai dijadikan panduan untuk melegakan krisis jiwa, ketegangan fikiran dan kejahanatan batin yang ada dalam setiap insan.

SINOPSIS BUKU



ABDUL MANAN
**Tip Dan Petua
Kecantikan Harian**
Batu Caves, Selangor : Ar-Risalah Product, 2012.
222ms.
ISBN 978-967-0268-25-5

Buku ini memberikan tips dan petua ringkas berkaitan cara-cara menjaga dan memelihara tubuh badan bermula dari hujung rambut hingga ke hujung kaki. Bab awal buku ini menerangkan tentang tips dan petua penjagaan dan rawatan rambut yang sesuai mengikut keperluan dan aktiviti harian. Bab kedua pula mengupas mengenai rawatan kulit wajah yang bermasalah yang menggunakan produk semulajadi yang mudah didapati. Asas solekan yang bersesuaian dengan jenis kulit muka juga diselitkan dalam buku ini sebagai panduan bagi mengelakkan kerosakan kulit muka. Di samping itu, penggunaan alat solek yang betul dan selamat turut dibincangkan untuk mengurangkan masalah kepada kulit muka. Buku ini juga mendedahkan bahan kimia yang digunakan dalam kosmetik dan senarai kosmetik yang berbahaya kepada kesihatan. Justeru, penjagaan dan rawatan tubuh badan yang betul dan konsisten akan menyumbang kepada kesihatan dalaman dan luaran kepada individu.